




# Konsep Rawatan Ternakan Sakit Untuk Semua Spesis

Oleh: Dr. Donny Yawah  
Untuk  
[www.dodon.org](http://www.dodon.org)  
Laman Web Penternakan

Artikel *Konsep Rawatan Ternakan Untuk Semua Spesis* ini ditulis sebagai panduan kepada sesiapa pun terutamanya mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang penternakan. Objektif utama penulisan artikel adalah untuk memberikan kefahaman yang lebih jelas tentang konsep rawatan ternakan. Saya percaya sekiranya carta ini dapat diamalkan sebagai rutin pengurusan ternakan, ia pasti dapat menjimatkan kos rawatan dan mengurangkan masa penyembuhan ternakan sakit.

Secara umumnya rawatan ternakan adalah diringkaskan seperti *carta alir rawatan ternakan sakit* berikut:



## Ternakan sakit...

Apabila ternakan menunjukkan tanda-tanda sakit seperti tidak mahu makan, berak cair, muntah-muntah, tempang dan lain-lain, langkah pertama yang patut diambil ialah mengasingkan ternakan itu daripada kumpulan sihat. Masukkan ke dalam kandang atau unit sakit. Tujuan unit pengasingan adalah untuk memudahkan pemantauan terhadap ternakan-ternakan yang sakit dan rawatan dapat dijalankan dengan lebih efektif.

## Rawatan segera..

Sesudah mengasingkan ternakan yang sakit, lakukan pemeriksaan klinikal terhadap ternakan, sebaik-baiknya ambil suhu rektum menggunakan jangka suhu serta kadar pernafasan dan nadi ternakan. Rekodkan tanda-tanda abnormal yang ditunjukkan oleh ternakan. Jika perlu ambil sampel untuk dihantar ke makmal.



Berdasarkan kepada tanda klinikal yang ditunjukkan, lakukan rawatan awal. Contohnya ternakan yang mengalami diarea diberikan ubat *kaolin-pectin* atau daun jambu batu untuk memberhentikan diarea dengan serta merta.

### **Rawatan Spesifik..**

Rawatan spesifik dilakukan apabila punca sebenar ternakan sakit diketahui. Punca penyakit disahkan dengan melakukan diagnosa penyakit iaitu dengan menjalankan satu siri penyiasatan terhadap punca kejadian penyakit. Contoh; sekiranya ternakan mengalami diarea, sampel tinja dihantar ke makmal. Jika keputusan ujian tinja (fecal egg count) menunjukkan ternakan mengalami bebanan cacing maka ternakan perlu dirawat dengan ubat nyahcacing.

### **Rawatan Sokongan..**

Setelah rawatan spesifik dilakukan, berikan rawatan sokongan.

Rawatan sokongan diberikan bagi mempercepatkan proses penyembuhan. Rawatan sokongan yang boleh diberikan adalah seperti berikut:

- Terapi cecair – Bagi ternakan yang mengalami dehidrasi (kekurangan cecair dalam badan). Contoh; Normal Saline, Dextrose dan sebagainya.
- Pemberian vitamin *B-Complex* untuk meningkatkan selera makan ternakan, diberikan samada secara oral ataupun suntikan.
- Pemberian Multivitamin – Membantu memperkuatkan sistem badan. Contoh; Cobaphos, Catosal, Fercobsang dan lain-lain.
- Memberi makanan yang 'sedap' dan berzat.
- Memberi air minuman yang dicampur dengan vitamin (anti-stress)
- TLC (Tender Loving Care) – Memberi perhatian yang lebih terhadap ternakan yang sakit.

### **Apakah yang perlu dilakukan sekiranya ternakan tidak sembuh?**

Sekiranya ternakan tidak sembuh setelah diberikan rawatan spesifik dan sokongan, kaji semula punca ternakan sakit dan berikan rawatan spesifik. Kemungkinan diagnosa penyakit yang dilakukan tidak tepat ataupun terdapat penyakit lain yang menyerang ternakan.

### **Bolehkah skip mana-mana peringkat rawatan tersebut?**

Berdasarkan kepada carta aliran rawatan ternakan sakit di atas dapat dilihat bahawa ternakan yang sakit boleh dirawat terus dengan rawatan spesifik tanpa melakukan rawatan awal/segera. Ini berlaku sekiranya punca ternakan sakit dapat disahkan pada peringkat awal. Contohnya; ternakan yang diarea, tidak pernah diberikan ubat nyahcacing, perut buncit dan menunjukkan gusi pucat boleh disyaki sebagai kes kecacingan. Maka ubat nyahcacing diberikan kepada ternakan disamping ubat *kaolin-pectin*.

### **Ternakan Sembuh..**

Kembalikan ternakan yang telah sembuh ke dalam kumpulan sihat.